

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 APRIL 2017

# Perdana Menteri bimbang penularan berita palsu

UM  
-22/4/2017

Oleh **SAFINA RAMLI**  
dan **FADZIL ZAINOL**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 APRIL

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan bimbang dengan fenomena berita palsu yang semakin menular sehingga boleh mengancam keselamatan negara dari pelbagai sudut.

Najib berkata, bagi membantu kerajaan para pengamal media sebenarnya memainkan peranan penting untuk menyampaikan kebenaran kepada rakyat berasaskan fakta yang tepat dan bukan bersandarkan kepada berita atau tuduhan palsu semata-mata.

“Era di mana kerajaan tahu segala-galanya telah berakhir, kita tidak boleh bersetuju semua perkara dengan kerajaan tetapi kita harus bersetuju dengan fakta dan bukannya berita atau tuduhan palsu kepada kerajaan.

“Disebabkan itu para pengamal media perlu membantu kerajaan memberi penjelasan kepada rakyat untuk membolehkan mereka membezakan antara berita palsu dan berita dengan fakta yang tepat,” katanya ketika berucap pada majlis Malam Wartawan Malaysia 2017 dan Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak dan Pengerusi Bersama

Malam Wartawan Malaysia 2017, Datuk Dr. Chamil Wariya.

Menurut Najib, beliau berpendapat negara kini berada pada era pascakebenaran di mana para pengamal media yang bertanggungjawab dan beretika adalah sangat penting dalam membangunkan masyarakat yang bermaklumat.

“Kehadiran berita palsu terutamanya dalam pelbagai platform media sosial yang besar pengikutnya sudah menjadi lumrah. Apa yang menyedihkan khalayak yang terdedah kepada berita palsu yang tidak bersandarkan kepada fakta ini menerimanya secara bulat-bulat apa yang disogokkan kepada mereka.

“Berita palsu ini harus kita tolak sama sekali kerana Malaysia mempunyai masa depan yang cerah dan kita akan berjuang bersama-sama untuk menjadikan negara ini sebagai antara 20 negara terbaik di dunia dalam tempoh beberapa tahun lagi,” ujarnya.

Dalam pada itu, Najib berkata, landskap media dan kewartawanan yang dipacu oleh revolusi teknologi maklumat telah menjadikan proses pemberitaan itu berubah berbanding dahulu.

“Media konvensional terutamanya akhbar berhadapan dengan semacam krisis berikutan penjualan edaran edisi cetak yang menurun dan kesannya pendapatan pengiklanan juga merosot.

“Saya tahu ada syarikat-syarikat media yang melaporkan kerugian atau penurunan keuntungan tetapi saya percaya di sebalik krisis sentiasa ada peluang jika strategi yang kita pilih untuk melangsungkan kehidupan,” katanya.